



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 18 DISEMBER 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	HARGA SAYUR NAIK EMPAT KALI GANDA MINGGU INI, LOKAL, HM -8	LAIN-LAIN
2.	HARGA SAYUR, MAKANAN LAUT NAIK SEJAK SEBULAN LALU, LOKAL, HM -9	
3.	TETAP 'JELOK' KE LAUT, LOKAL, HM -9	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/12/2024	HARIAN METRO	LOKAL	8

Kota Bharu: Lebih 200 pemborong di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong di sini, mendakwa harga sayur naik mendadak sehingga empat kali ganda minggu ini disebabkan laluan Jalan Gua Musang-Lojing ditutup susulan berlaku mendapan tanah.

Keadaan itu menyebabkan bekalan sayur dari Tanah Tinggi Lojing tidak dapat melalui laluan berkenaan dan terpaksa menggunakan laluan jauh sekali gus kos pengangkutan turut berlaku kenaikan berganda.

Sehubungan itu, pemborong terbabit menggesa supaya Jabatan Kerja Raya (JKR) mempercepat proses membaik pulih laluan berkenaan bagi menyelesaikan isu harga sayur.

Pemborong, Kamaruddin Hassan, 54, berkata, sejak laluan berkenaan berlaku mendapan tanah menyebabkan harga sayur dari Tanah Tinggi Lojing naik mendadak sehingga empat kali ganda.

"Keadaan ini amat mengejutkan kami dan bagaimana kami mahu menjual sayur berkenaan sedangkan harga yang diterima sudah terlalu tinggi.

Harga sayur naik empat kali ganda minggu ini



TINJAUAN di RTC Tunjong mendakwa harga sayur naik mendadak minggu ini disebabkan laluan Jalan Gua Musang-Lojing ditutup. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

"Sebagai contoh, daun sup yang sebelum ini dijual kepada pemborong hanya RM5 sekilogram, namun minggu ini meningkat sehingga RM19, itu belum lagi harga untuk dijual kepada pembeli.

"Boleh dikatakan harga sayur naik antara tiga hingga empat kali ganda dan ia akan berterusan sekiranya jalan yang berlaku mendapan itu tidak dibaiki dengan segera.

"Sekarang ini lori yang membawa bekalan sayur terbabit perlu melalui Perak dan Jeli sebelum dihantar ke RTC dan ia lebih jauh menyebabkan kos pengangkutan juga meningkat," katanya.

Justeru, beliau berharap masalah berkenaan dapat diatasi kerana bukan hanya pihak pemborong yang terbeban sebaliknya pembeli juga menerima nasib yang sama.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/12/2024	HARIAN METRO	LOKAL	9

Harga sayur, makanan laut naik sejak sebulan lalu

Seri Kembangan: Musim tengkujuh yang melanda negara menyebabkan bekalan sayur dan makanan laut berkurangan, sekaligus menyebabkan berlaku kenaikan harga.

Tinjauan di Pasar Borong Selangor semalam mendapati peniaga mendakwa terpaksa menjual sayur pada harga yang lebih tinggi sejak sebulan lalu.

Penjual sayur dikenali sebagai Agus, 37, berkata, antara sayur yang naik harga ialah kangkung iaitu dijual RM9 sekilogram berbanding sebelumnya sekitar RM4 hingga RM5 sekilogram.

"Kenaikan harga akibat kekurangan bekalan. Dahulu kami boleh mendapat bekalan 20 kilogram sehari tapi sekarang hanya lima kilogram," katanya.

Menurutnya, harga bayam melonjak kepada RM10 sekilogram berbanding sekitar RM5 hingga RM6 sekilogram sebelum ini, manakala timun tempatan dijual pada harga RM7 sekilogram dan timun Jepun kekal pada RM10.

"Cili merah tempatan juga naik pada harga RM16 hingga RM17 sekilogram. Tetapi cili import dari Thailand lebih murah iaitu sekitar RM12 sekilogram.

"Hujan menyebabkan kekurangan bekalan daripada kawasan seperti Cameron Highlands, Kajang dan Dengkil. Hal itu

kerana pembekal turut terkesan," katanya.

Sementara itu, peniaga ikan, Ahmad Arbaini, 35, mengakui kenaikan harga terutama sotong, ikan kembung dan kerisi sejak minggu ini.

"Harga sotong kini mencecah RM36 sekilogram berbanding sebelumnya RM25 sekilogram yang bergantung kepada saiz dan kualiti. Kenaikan berlaku kerana bekalan sotong segar kurang.

"Ramai pembekal memilih untuk menjual sotong sejuk beku. Tetapi, kami tetap menjual sotong segar kepada pelanggan," katanya.

Katanya, ikan kembung pula mencatat kenaikan harga daripada RM12 sekilogram kepada RM14 hingga RM15 sekilogram, manakala ikan kerisi pula RM36 sekilogram daripada RM25 sekilogram.

Seorang pengunjung Pasar Borong Selangor yang hanya ingin dikenali sebagai Fikri, 69, berkata, kenaikan harga berlaku secara beransur-ansur sejak sebulan lalu, namun ketara bagi beberapa barangan seperti kelapa dan sayur-sayuran.

"Kelapa sebelum ini dijual dengan harga RM2 sebiji, sekarang naik jadi RM3 sebiji. Harga sayur-sayuran pun naik, dulu sekilogram boleh dapat RM4 ke RM5, sekarang RM6 hingga RM7 sekilogram," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
18/12/2024	HARIAN METRO	LOKAL	9



ABDUL Quayun (kanan) bersama Zuadi menyiapkan bubu selepas tidak dapat ke laut akibat cuaca tidak menentu berikutan MTL. - Gambar NSTP/NAZDY HARUN

Tetap ‘jelok’ ke laut

Nelayan pantai tangkap ikan apabila keadaan kelihatan tenang

Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

Kuala Nerus

Walaupun berdepan gelombang besar dan laut bergelora sepanjang musim Monsun Timur Laut (MTL), nelayan pantai tetap ‘jelok’ (mengambil kesempatan) untuk ke laut.

Abdul Quayun Wahid, 25, dari Kampung Seberang Takir dekat sini berkata, pelbagai faktor diambil kira sebelum ke laut pada

musim tengkujuh.

Menurutnya, dia bersama seorang lagi rakan mengambil kesempatan ke laut menangkap ikan apabila keadaan angin dan laut sedikit baik apatah lagi hasil ikan lebih mudah diperolehi pada musim MTL.

“Mahu atau tidak pada musim MTL ini, kaedah ‘jelok’ akan digunakan bagi membolehkan nelayan pantai menampung perbelanjaan harian kerana tidak boleh ke laut setiap hari.

“Biasanya jarak perjala-

nan antara 15’ hingga 20 batu nautika dengan mengambil masa lebih satu jam untuk ke lokasi sesuai,” katanya.

Abdul Quayun berkata, ikan seperti tongkol, selayang dan selar mudah diperolehi pada musim seperti ini namun keselamatan juga perlu dititikberatkan kerana keadaan cuaca yang tidak menentu.

“Ikan memang banyak ketika ini tetapi keadaan tidak mengizinkan kami berada di sana dalam tempoh lama atau kerap na-

mun ini adalah kerja hakiki yang perlu kami lakukan untuk mencari rezeki walaupun berdepan pelbagai cabaran cuaca ketika di laut,” katanya.

Bagi Zuadi Muda, 42, dia turut mengambil pendekatan sama apabila melihat keadaan laut sedikit tenang untuk mencari rezeki.

“Saya menggunakan bubu dan memancing jika turun ke laut dan memang puas hati dengan hasil yang diperolehi pada musim tengkujuh,” katanya.